

CNS1674

R GB 13-02 00189 BC991

bah

Mahathir - Perbincangan

BANGLADESH TAWAR PEKERJA PROFESIONAL UNTUK MALAYSIA

Daripada Azman Ujang

I

DHAKA, 13 Feb (Bernama) -- Bangladesh yang sehingga ini membekalkan Malaysia dengan para pekerja bagi industri ladang dan binaan, kini menawarkan tenaga profesional seperti doktor dan jurutera, membuka dimensi baru dalam hubungan dua hala kedua-dua negara.

Perdana Menteri Bangladesh Begum Khaleda Zia, semasa perbincangan di sini hari ini dengan rakan sejawatannya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta Malaysia menimbangkan untuk menerima tenaga kerja mahir dan terlatih di kalangan lebih 18,000 pekerja Bangladesh yang kini berada di Malaysia.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi memberitahu wartawan Malaysia selepas perbincangan itu bahawa Bangladesh juga menawarkan jururawat, akauntan dan tenaga profesional lain bekerja di Malaysia.

"Ini satu perkembangan baru dalam hubungan kita dan kerajaan akan mengkajinya. Ia juga terpulang kepada agensi-agensi yang bersedia menerima tenaga profesional ini untuk mengaturkan perkara ini," katanya.

Abdullah, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan beberapa pegawai kanan Malaysia juga menghadiri perbincangan itu pada hari kedua lawatan tiga hari Dr Mahathir ke Bangladesh. -- Lagi

▼13/02/20-53MST

CNS1683

R GB 13-02 00152 BC992

bah

Mahathir - Perbincangan 2 Dhaka

Abdullah berkata Begum Zia juga ingin sekali Penerbangan Malaysia (MAS) memulakan perkhimatannya ke Dhaka untuk meningkatkan hubungan antara rakyat kedua-dua negara.

Walaupun Biman, Penerbangan Bangladesh, terbang ke Kuala Lumpur tiga kali seminggu, MAS masih belum memulakan perkhimatannya ke Bangladesh.

"Malaysia sedang menimbangkan sama ada perkhidmatan itu harus dimulakan sama ada oleh MAS atau satu lagi penerbangan domestik, Pelangi Air.

Ini belum lagi diputuskan," tambah beliau. Bangladesh juga meminta Malaysia menimbang memberikan pengiktirafan kepada lebih banyak kolej perubatannya untuk memberi peluang kepada lebih ramai rakyat Malaysia mengikuti pengajian perubatan di negara itu.

"Mereka telah memberitahu kita bahawa Britain mengiktiraf ijazah perubatan daripada beberapa kolej di Bangladesh. Ini sebenarnya isu lama yang masih belum diselesaikan tetapi akan diambil tindakan semula," katanya.

Pada masa ini Malaysia hanya mengiktiraf ijazah perubatan daripada Kolej Perubatan Dhaka. -- Lagi

▼13/02/21-16MST

CNS1687

R GB 13-02 00173 BC993

bah

Mahathir - Perbincangan 3 Dhaka

Kedua-dua Perdana Menteri juga membincangkan mengenai cadangan Bangladesh untuk menubuhkan, dengan bantuan Malaysia, sebuah institusi untuk menguruskan pemergian bakal haji ke Mekah sama seperti Lembaga Urusan dan Tabung Haji (Tabung Haji) di Malaysia.

"Memandangkan Tabung Haji telah menjadi sebuah entiti perdagangan dengan pelaburan dalam banyak sektor, ia begitu menarik minat kerajaan Bangladesh.

Kita akan kaji bagaimana Malaysia boleh membantu menubuhkan badan seperti itu," tambah Abdullah.

Beliau berkata daripada perbincangan itu, Bangladesh menunjukkan hasrat untuk meningkatkan kerjasama ekonomi dengan Malaysia terutama melalui peningkatan perdagangan dan pelaburan.

"Bangladesh juga mahu Malaysia membeli lebih banyak keluarannya terutama beras. Kami akan mengkaji perkara ini untuk mengurangkan lebihan dagangan yang kini lebih banyak memihak kepada Malaysia," katanya.

Dagangan dua hala mereka berjumlah AS\$56.8 juta pada 1991 dan AS\$51 juta bagi lima bula pertama tahun lepas.

Sumbangan Bangladesh kepada keseluruhan jumlah dagangan Malaysia hanya 0.1 peratus manakala Malaysia menyumbangkan 0.5 peratus daripada keseluruhan jumlah dagangan Bangladesh. -- Laqi

♥13/02/21-36MST

CNS1688

R GB 13-02 00099 BC994

bah

Mahathir - Perbincangan (Akhir) Dhaka

Sebelum itu, Dr Mahathir mengunjungi Presiden Bangladesh Abdur Rahman Biswas di Istana Presiden.

Pada paginya, Dr Mahathir terbang dengan helikopter ke Savar di mana beliau meletakkan kalungan bunga di tugu peringatan bagi menghormati mereka yang terkorban semasa perang kemerdekaan sebelum pembentukan Bangladesh 1971.

Beliau kemudian merasmikan Pusat Dagangan Malaysia di sini. Pusat itu yang bertujuan untuk menggalakkan perdagnagan dan pelaburan di kedua-dua negara, diuruskan oleh sebuah syarikat usahasama yang ditubuhkan oleh Concord Group of Companies Bangladesh dan beberapa pengusaha swasta Malaysia. -- Bernama